

Praktis PT3 Bahagian A

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

1. I Sajak yang tersiar dalam buletin itu merupakan karya *asli* Salina Ali.
II Encik Mazlan Abu pernah mengajar di perkampungan orang *asli* di Perak.
III Rantai tangan yang dijumpai oleh Tan itu dibuat daripada emas *asli*.
IV Semua hujah yang dikemukakan oleh pembahas kedua itu *asli* belaka.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
2. I Datuknya masih *tahan* dalam bidang silat walaupun sudah lanjut usianya.
II Bekalan makanan para pendaki itu *tahan* seminggu sahaja.
III Tiada sesiapa yang *tahan* menanggung seksaan yang sekejam itu.
IV Kerusi kayu ini sekiranya dijaga dengan baik akan *tahan* lama.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
3. I Harjit *menyangkut* sejangkak kunci pada sebatang paku di dinding itu.
II Puan Liza tidak senang akan kritikan yang *menyangkut* hal peribadinya.
III Perkara yang dibincangkan tadi *menyangkut* tentang soal kemasyarakatan di kampung ini.
IV Pandangan Khairul *menyangkut* pada gadis yang berkebaya kuning itu.
A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

4. I Encik Anthony *terhampar* di hospital selama beberapa hari kerana demam denggi.
II Seorang pemuda yang dipercayai pendatang asing telah ditemukan *terhampar* di tepi pantai.
III Majalah yang telah dibaca oleh kakak dibiarkan *terhampar* di atas katil.
IV Permaidani yang baru dibeli oleh ibu *terhampar* di ruang tamu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
5. I Persatuan yang sudah sekian lama ditubuhkan itu kini semakin *lumpuh* kerana pergolakan dalam kalangan ahlinya.
II Untuk mengelakkan ekonomi negara menjadi *lumpuh*, penasihat kewangan perlu bertindak dengan bijak.
III Semenjak pendengarannya *lumpuh* dia sukar untuk berkomunikasi.

IV Akibat gempa bumi baru-baru ini, banyak bangunan di negara China telah *lumpuh*.

- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

6. I *Pergerakan* anak remaja perlu diawasi sepanjang masa supaya mereka tidak terjebak dalam gejala negatif.
II Doktor Rahman kerap menyertai *pergerakan* sukarela di tempat tinggalnya.
III *Pergerakan* lumba motosikal haram itu sentiasa dilakukan oleh pihak berkuasa.
IV *Pergerakan* dari bandar Sibu ke pedalaman Sarawak itu mengambil masa kira-kira dua hari menggunakan bot.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Hidup Amran sekeluarga semakin mengah setelah dia kehilangan punca pendapatan.

2. Amirul membelanjakan RM160 sahaja dan yang sisanya diberikan kepada ibunya semula.

3. Ayah menukar lampu di ruang tamu itu kerana cahayanya sudah kabur.

4. Datuk kami masih aktif bersukan walaupun usianya sudah panjang.

5. Aktiviti bersenam akan melegakan sistem peredaran darah serta menguatkan stamina seseorang.

6. Program ini sememangnya berupaya untuk mengerah semangat murid-murid mengamalkan gaya hidup sihat.
